

22/10/2003

Siri tv `The Agency' papar propaganda Yahudi, AS

M Veleron

MEDIA terutama elektronik masa kini memainkan fungsi utama dan amat berpengaruh mencorakkan pandangan penonton berhubung sesuatu peristiwa yang berlaku di sekeliling kita.

Pendek kata media juga berperanan begitu besar dalam membentuk pemikiran serta pendapat rakyat mengenai asas dan dasar sesebuah kerajaan iaitu berlandaskan apa dipaparkan dan diperkatakan pemimpin disiarkan pula melalui kaca tv dan laman web.

Sebagai contoh Amerika Syarikat (AS) menggunakan sepenuhnya pengaruh media perdananya terutama CNN, FOX dan CNBC untuk menyebarkan dakwah mereka kononnya perjuangan mereka menentang keganasan di seluruh dunia adalah suci dan betul.

Di negara kita, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggariskan dengan jelas mengenai dasar kita terhadap peperangan menentang keganasan seluruh dunia.

Kita tidak pernah mengiktiraf dan menyokong tindakan AS menyerang Iraq dan lain-lain negara Arab.

Kita juga prihatin kepada nasib rakyat Palestin. Kita percaya segala konflik wajar diselesaikan melalui rundingan bukan peperangan.

Kita tidak pernah mengiktiraf atau melabelkan mana-mana negara adalah pengganas. Dasar ini seharusnya dibawa oleh media kita untuk disalurkan kepada masyarakat supaya mereka memahami dengan jelas dasar kerajaan.

Seharusnya media elektronik tempatan lebih peka dengan sensitiviti masyarakat terhadap apa yang dikatakan serangan AS terhadap agama Islam dan bangsa Arab.

Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian kepada satu cara halus digunakan oleh media AS dan Barat amnya untuk menyebarkan dakwah dan menghina bangsa Arab dan umat Islam.

Satu rancangan disiarkan TV3 ialah The Agency yang saya kira amat mengguris perasaan saya sebagai umat Islam.

The Agency jelas digunakan sepenuhnya untuk mengaburi mata dunia terhadap jenayah di lakukan oleh askar dan pemimpin AS selama ini. Adakah TV3 atau lembaga penapisan tidak sedar keburukan rancangan itu?

Ia jelas menunjukkan bangsa Arab yang majoritinya beragama Islam di labelkan sebagai masyarakat yang ganas dan selalu inginkan peperangan, sedangkan ejen CIA atau watak wira (pastinya Amerika) pula digambarkan sebagai bangsa dan golongan yang mulia yang kononnya bertungkus lumus menyelamatkan dunia.

Digambarkan bahawa CIA bekerjasama rapat dengan ejen Mossad dari Israel untuk memerangi keganasan. Ini memberi gambaran yang tidak adil terhadap masyarakat Arab.

Sedang umat Islam dihina dan dipandang rendah oleh kuasa barat, TV3 dengan mudah memaparkan propaganda Yahudi dan Barat secara tidak langsung. Ini jelas bertentangan dengan dasar yang dilaungkan oleh Perdana Menteri.

Stesen televisyen sepatutnya lebih sensitif terhadap program yang disiarkan kerana ia memberi kesan yang buruk terhadap generasi muda yang kurang arif mengenai apa yang tersirat di sebalik adegan dalam rancangan yang begitu menarik dan dipromosi dengan begitu hebat sekali.

M VELERON,  
Shah alam.